

Artikel Penyelidikan

Gayung Fatani: Mengungkap Rahsia Teknik Seni.

Nur Nitisha Halim¹, Nur Aisyah Yumni Aznan^{2*}, Mohd Shamsul Mohd Shoid^{3*}, Jafalizan Md Jali⁴

¹ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; nunitisya@gmail.com;

² Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; aisyahyumni09@gmail.com;

³ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; shamsulshoid@uitm.edu.my;  0000-0002-0949-5412

⁴ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: shamsulshoid@uitm.edu.my; +60125803084.

Abstrak: Seni Gayung Fatani berasal daripada Silat Melayu yang digunakan semasa perperangan zaman dahulu. Silat ini telah dibangunkan oleh Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM) sejak tahun 1976 oleh pengasas utamanya iaitu Allahyarham Tuan GM Haji Anuar Abdul Wahab. Pertubuhan ini berjaya mengekalkan Silat Melayu supaya terus berkembang dalam masyarakat di dalam dan juga luar negara. Kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji silat yang telah dibangunkan oleh Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mendokumentasikan sejarah penubuhan PSGFM dan latar belakang tokoh-tokoh penting yang terlibat. Seterusnya, untuk merungkaikan cabaran yang dihadapi oleh PSGFM sepanjang penubuhannya serta cara isu tersebut diatasi daripada terus berkembang. Kajian ini telah dijalankan dalam bentuk temubual melalui dua kaedah iaitu secara bersemuka dan atas talian. Tokoh utama yang ditemubual adalah Tuan Hazim Samsudin yang merupakan jurulatih silat PSGFM. Tokoh kedua yang ditemubual adalah Profesor Madya GM Pro Dr. Mohamad Nizam Mohamed Shapie yang merupakan jurulatih silat selama 23 tahun. Beliau juga merupakan seorang pengkaji silat. Hasil temubual bersama tokoh-tokoh ini telah berhasil menjawab objektif kajian ini. Kepentingan Silat Seni Gayung Fatani ini bukan sahaja untuk mempertahankan diri apabila bertempur dengan musuh tetapi juga adalah untuk mendisiplinkan diri pesilat supaya dapat berfikir dengan bijak dan mempunyai semangat jati diri yang tinggi.

Kata kunci: Pertubuhan Seni Gayung Fatani, Seni, Gayung, Fatani, Silat.

DOI: 10.5281/zenodo.14995135



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Seni silat merupakan sebahagian daripada seni mempertahankan diri yang popular di Malaysia. Menurut laman web rasmi kawah buku (Abd Rahman Ismail, 2009), silat secara umumnya ditakrifkan sebagai seni mempertahankan diri yang telah dipraktikkan oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu. Ilmu ini dijaga oleh guru silat dan diwariskan kepada generasi muda. Menurut cerita rakyat, mereka dianggap sebagai pewaris yang menggiantkan tradisi supaya tidak luput ditelan zaman. Terdapat beberapa naskhah Melayu unggul yang mengandungi maklumat yang mendalam berkaitan pertempuran, rekod perang dan keterangan teknik peperangan pahlawan Melayu mewakili seni mempertahankan diri Melayu yang mempunyai sejarah lebih daripada 2000 tahun. Misalnya, konflik antara Hang Tuah dan Hang Jebat diuraikan secara jelas dalam Hikayat Hang Tuah.

Selain itu, menurut Pertubuhan Silat Seni Gayong Nusantara (World Gayong Nusantara Federation, 2015), susur galur silat juga rumit untuk ditentukan, kerana difahamkan wujud sejak beribu-ribu tahun dahulu. Seni mempertahankan diri ini mungkin diaplikasikan sebagai salah satu sistem untuk menjaga keselamatan dan mempertahankan keselamatan di sebahagian jajahan agung pada masa itu. Pemerintahan yang memerintah ketika itu antaranya jajahan Asia Tenggara seperti Langkasuka, Champa, Srivijaya, Beluas, Melaka, Makassar, Aceh, Majapahit, Gangga dan Patani. Walau bagaimanapun, warisan seni silat tidak boleh dianggap sebagai milik mana-mana kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, asal usul dan latar belakangnya tersebar di seluruh nusantara.

Seterusnya, berdasarkan blog rasmi koleksi ilmu dulu-dulu (KiDD, 2017), terdapat 368 jenis seni silat yang dapat dikenal pasti di Malaysia. Akan tetapi, jumlah ini tidak termasuk bilangan seni silat yang tersembunyi atau sudah hilang seiring dengan arus kemodenan pada hari ini. Antara seni silat berikut adalah Silat Cekak Malaysia, Silat Gayung Fatani, Silat Lian Padukan, Silat Lincah, Silat Pulut, Silat Bunga Malaysia, Silat Harimau, Silat Seni Tempur, Silat Cimandi dan Silat Lintau Tua. Bersumberkan dari laman web seni gayung fatani (Pemegang Amanah, 2024), pengiktirafan seni bela diri berperingkat dunia telah diberikan kepada Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM) dengan penganjuran 13th International Martial Arts and Combat Sports Scientific Society (IMACSS) & 5th Global Scientific Martial Arts and Cultural Congress (GSMACC) 2024 yang bertempat di Putrajaya, Malaysia. Di samping itu, merujuk laman web berita tempatan Malaysia Aktif (Ag Marzuki, A. L., & Mohd Maqdi, S., 2024), keratan akhbar ini dilihat fokus dengan agenda yang menyatakan bahawa seni silat dapat menyatukan masyarakat yang mempunyai kepelbagaiannya budaya serta agama di Malaysia. Seni silat melayu terkenal yang dikenali sebagai seni silat gayung telah dikenal pasti menjadi ikatan keserasian dalam usaha mengeratkan hubungan pelbagai kaum di Malaysia dengan sentiasa mempraktikkan amalan bertatatertib yang diperkenalkan sejak dahulu lagi.

Merujuk laman web Malaysia Aktif juga (Ag Marzuki, A. L., & Mohd Maqdi, S., 2024), pernyataan ini disokong oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah Datuk Nizam Abu Bakar Titingan, yang menerangkan bahawa seni silat sebenarnya sejak dari dahulu lagi menjadi unsur penting dalam mengukuhkan masyarakat melayu melalui hubungan ukhuwah serta ajaran agama Islam. Dalam perasmian penutupan Program Ziarah Cakna Panji Alam Di Ufuk Timur yang diadakan oleh Pertubuhan Seni Silat Gayong Panji Alam Malaysia (PSSGPAM) pada 18 September 2024, beliau turut menegaskan bahawa gabungan elemen kesenian serta keunikan teknik silat dalam dunia persilatan akan menarik minat penggiat seni budaya melayu. Secara tidak langsung, dengan penglibatan aktif dari penggiat seni akan menjadikan warisan seni silat ini tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Beliau juga yakin bahawa seni silat sememangnya dapat membimbing pengamal seni silat untuk tidak mudah berputus asa dan sentiasa menerapkan semangat perjuangan tokoh terdahulu dalam pembentukan personaliti diri yang lebih berintegriti dan berdisiplin.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari media sosial Facebook (SK Kampung Jawa 2, 2017), kepentingan warisan seni silat Malaysia sememangnya bertujuan untuk menghasilkan individu yang bermaruah dan berfikiran positif serta dapat memberi sumbangan kepada bangsa dan negara dalam membangunkan umat yang kuat. Dengan mempelajari ilmu silat ini dari guru silat yang bertauliah, individu dapat memperoleh pengalaman dan ilmu baharu iaitu ilmu seni mempertahankan diri. Ilmu ini dianggap berguna kerana kita dapat mempraktikkan ilmu tersebut untuk mempertahankan diri sekiranya ditimpa benda tidak baik seperti dirompak atau diragut oleh penjenayah.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian yang mendalam terhadap seni silat gayung fatani amat penting dijalankan supaya seni silat ini terus berkembang dalam dunia seni mempertahankan diri. Jika kajian ini tidak dijalankan dari masa ke masa, seni silat gayung fatani ini akan terus diabaikan. Hal ini mengakibatkan, seni silat ini mudah terpengaruh dengan pengaruh budaya luar yang mungkin akan mengubah suai teknik asli seni silat gayung tanpa memahami ideologi dan konsep asal seni silat ini. Kesannya, identiti dan keunikan silat gayung fatani itu tersendiri akan lenyap dibawa arus zaman dan menjadikannya lebih susah untuk dikenali sebagai seni bela diri warisan melayu. Berdasarkan berita Parti Islam Se- Malaysia (PAS) (Terengganu, PAS, 2023), isu ini juga mendapat perhatian Pegawai Penyelaras DUN Kuala Besut, Azbi Saleh. Beliau menyatakan bahawa sukan silat kian dilupakan dan semua pihak yang berkepentingan perlu memainkan tugas masing-masing untuk memperkasakan seni silat supaya seni ini kekal relevan mengikut peredaran zaman yang moden.

Selain itu, jika sejarah mengenai seni silat gayong ini tidak dirungkai dan didokumentasikan sebagai rekod pada hari ini, seni silat ini akan semakin dilupakan oleh anak-anak muda pada masa akan datang. Bak kata peribahasa melayu, "Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna." Hal ini membuktikan bahawa jika langkah-langkah mengekalkan warisan budaya seni silat gayung ini diremehkan, tidak mustahil pada masa hadapan seni silat ini akan pupus, dan pada waktu itu akan timbul penyesalan di kemudian hari. Jika hal ini berlaku, generasi moden tidak akan dapat melakukan kajian teliti mengenai seni silat ini kerana kekurangan bahan untuk dirujuk.

Penyelidikan yang lebih menyeluruh mengenai seni silat ini juga perlu didapati menerusi sumber utama iaitu sumber lisan. Sumber lisan ini amat berharga kerana ia merupakan proses mendapatkan maklumat asli dengan cara menemuduga jurulatih seni silat yang berpengalaman. Selalunya, individu yang menjadi jurulatih seni silat ini, mempunyai banyak pengalaman dalam dunia silat dan kebanyakannya telah berusia. Jika para penyelidik tidak menemu duga tokoh-tokoh silat ini selama mereka masih aktif, akan menjadi satu kerugian sumber tokoh kerana tokoh-tokoh yang berusia ini berkemungkinan tidak lagi aktif atau telah meninggal dunia.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah mengkaji silat yang telah dibangunkan oleh Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM). Selain itu, mendokumentasi sejarah penubuhan PSGFM dan latar belakang tokoh-tokoh penting dalam perkembangan seni ini. Seterusnya, merungkaikan cabaran yang dihadapi oleh PSGFM sepanjang penubuhannya, serta cara isu tersebut diatasi dari terus berkembang.

4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini merangkumi soalan yang merujuk kepada pertanyaan khusus yang akan ditanya dalam penyelidikan. Persoalan kajian juga sangat berkait rapat dengan objektif kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui persoalan kajian, penemubual akan mendapat jawapan-jawapan yang memenuhi objektif kajian.

Dalam kajian penyelidikan Seni Gayung Fatani, terdapat tiga persoalan kajian terhadap tokoh utama iaitu Hazim bin Samsudin. Persoalan yang pertama adalah berkaitan dengan apakah teknik silat yang telah dibangunkan oleh Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM). Kedua, apakah sejarah penubuhan PSGFM dan latar belakang tokoh-tokoh penting dalam perkembangan seni silat ini. Persoalan yang ketiga adalah apakah cabaran yang dihadapi oleh PSGFM sepanjang penubuhannya serta bagaimana isu tersebut diatasi dari terus berkembang.

Seterusnya, terdapat tiga juga persoalan kajian terhadap tokoh sokongan iaitu Profesor Madya GM Pro Dr. Mohamad Nizam bin Mohamed Shapie. Persoalan yang pertama adalah untuk mengetahui silat yang dibangunkan oleh PSGFM. Persoalan kedua adalah apakah sejarah awal penubuhan PSGFM dan mengetahui tokoh-tokoh yang terlibat pada waktu itu. Persoalan yang terakhir adalah cabaran utama yang dihadapi oleh PSGFM dalam mengembangkan silat ke peringkat yang lebih tinggi dan bagaimana cabaran tersebut diatasi.

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini membantu PSGFM dalam mengekalkan identiti dan kedudukan mereka sebagai penggerak utama seni silat di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Kajian ini dapat meningkatkan kesedaran dalam masyarakat mengenai kepentingan seni mempertahankan diri yang merupakan warisan budaya Melayu sejak dahulu. Kajian ini dapat membentuk akhlak, nilai-nilai murni dan disiplin dalam diri terutama pengamalnya yang penting dalam pembangunan remaja.

6. TINJAUAN LITERATUR

Beberapa tinjauan literatur mengenai Seni Gayung Fatani telah dibuat dengan melihat maklumat yang terdapat di “Online Finding Aid” (OFA), “Google”, “YouTube”, Laman Web Rasmi, artikel, keratan akhbar, blog, media sosial, buku dan juga kertas penyelidikan. Melalui hasil kajian dan pembacaan yang telah dibuat, ia jelas menunjukkan kurangnya maklumat dan pendedahan seni mempertahankan diri kepada orang ramai.

Terdapat kajian terdahulu yang telah menyentuh berkenaan Seni Gayung Fatani, namun ianya lebih kepada sejarah dan asal usul silat Seni Gayung Fatani sahaja. Kajian yang akan dijalankan oleh kami pula adalah menfokuskan kepada teknik silat yang khususnya dipelajari dalam Seni Gayung Fatani. Hal ini dikatakan demikian kerana, kami ingin mengetahui dan mendokumentasikan teknik silat yang telah dibangunkan oleh Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM) termasuklah evolusinya dari kurikulum tradisional ke kurikulum moden yang lebih sistematik dan teratur.

Seni mempertahankan diri mendatangkan pelbagai manfaat terhadap diri seseorang. Silat adalah warisan budaya Melayu sejak zaman dahulu yang dipelajari dan diamalkan oleh pahlawan-pahlawan Melayu untuk menentang musuh. Melalui laman web rasmi Pertubuhan Seni Gayung Fatani (PSGFM, 2017), silat telah diperkenalkan bukan sahaja dalam negara malahan di peringkat antarabangsa juga. Di samping, memartabatkan silat sebagai seni mempertahankan diri rasmi di Malaysia, mereka juga mahu mengekalkan keaslian silat Melayu yang tidak diubah dan ditokok tambah dari mana-mana aliran pencak silat yang lain. PSGFM mengharumkan nama Malaysia kerana menjadi contoh kepada pesilat di negara lain dengan menjadi juara keseluruhan dalam Kejuaraan Silat Kebangsaan Malaysia anjuran PESAKA secara empat kali berturut-turut. Hal ini mendatangkan semangat dan keyakinan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai teknik-teknik yang ada dalam silat Seni Gayung Fatani.

Bil.	Sumber	Hasil Carian
1.	Online Finding Aids (OFA)	Melalui pencarian yang dibuat di “Online Finding Aid” (OFA), tiada hasil carian yang dijumpai. Hal ini jelas menunjukkan tiada rekod mengenai Seni Gayung Fatani yang dihantar ke Arkib Negara. Maka, kajian dan pendokumentasian lisan sewajarnya dijalankan oleh kami bagi memelihara
2	Google	Berdasarkan hasil carian pertubuhan seni gayung fatani malaysia di laman web “Google”, terdapat 14,100 keputusan carian yang dipaparkan. Hal ini menunjukkan masih kurangnya kajian yang dibuat terhadap Seni Gayung Fatani di Malaysia.
3	YouTube	Berdasarkan carian yang dibuat di “YouTube”, video berkaitan seni gayung fatani adalah sedikit dan kebanyakannya video yang telah lama dibuat.
4	Laman Web Rasmi	Terdapat laman web rasmi Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia yang menerangkan tentang latar belakang, pencapaian dan program – program yang dijalankan setiap tahun. Melalui laman web ini, kami dapat memperoleh maklumat mengenai sejarah yang dapat membantu kami dalam merancang soalan-soalan yang akan ditanya melalui temubual pada hari yang ditetapkan.
5	Artikel	Melalui hasil pencarian yang dijalankan, hanya terdapat 79 artikel berkaitan Seni Gayung Fatani. Hal ini jelas menunjukkan kurangnya maklumat mengenai Seni Gayung Fatani yang merupakan seni mempertahankan diri dan warisan negara kita yang sepatutnya diketahui.
6	Keratan Akhbar	Melalui pencarian di “Internet”, terdapat beberapa keratan akhbar yang dijumpai iaitu pada tahun 2011 dan 2012. Bukti ini menunjukkan kurangnya pendedahan maklumat dan pencapaian berkaitan Seni Gayung Fatani yang disebarluaskan kepada masyarakat.
7	Blog	Melalui hasil pencarian di “Internet”, terdapat 7290 hasil carian berkaitan blog Seni Gayung Fatani. Hal ini menunjukkan masih kurangnya penceritaan yang dibuat oleh penulis mengenai Seni Gayung Fatani di Malaysia.

8	Media sosial	Melalui hasil pencarian yang dijalankan, Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia mempunyai media sosial mereka sendiri iaitu di "Facebook" dan "Instagram". Mereka berkongsi gambar dan video berkaitan aktiviti yang dijalankan.
9	Buku	Terdapat beberapa buku yang dijumpai berkaitan Seni Gayung Fatani Malaysia.
10	Kertas penyelidikan	Melalui hasil pencarian di "Internet", terdapat hanya 2910 hasil pencarian berkaitan kertas penyelidikan Seni Gayung Fatani. Hal ini menunjukkan kurangnya penyelidikan yang dibuat terhadap Seni Gayung Fatani di Malaysia.

METODOLOGI

Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah melalui temu bual. Pelaksanaannya dijalankan secara lisan antara penyelidik dan tokoh yang dipilih. Kemudian, jawapan bagi setiap soalan yang ditemu bual akan direkodkan secara bertulis dan rakaman elektronik. Temu bual bersama tokoh pertama dijalankan secara bersemuka di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) manakala temu bual Bersama tokoh kedua dijalankan secara atas talian melalui platform "Google Meet".

Temu bual adalah bertujuan untuk mengumpulkan maklumat melalui interaksi antara penyelidik dengan pihak yang dipilih untuk ditemu bual seperti tokoh, atlet, ketua kampung dan sebagainya (Denzin,2001). Terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, semi struktur dan tidak berstruktur (Chua Yan Piaw, 2014). Sebagai contoh, temu bual berstruktur adalah temu bual yang lebih formal, menggunakan bahasa yang difahami oleh kedua-dua belah pihak dan mengikut objektif dan soalan yang telah disediakan terlebih dahulu.

Seterusnya, hasil maklumat yang diperoleh melalui temu bual antara penyelidik dengan pihak yang terlibat akan didokumentasikan dalam bentuk transkrip bagi tujuan penyelidikan akademik dan mengekalkan warisan budaya Melayu supaya tidak hilang ditelan zaman.

HASIL KAJIAN

Melalui hasil kajian bersama jurulatih silat Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia, beliau menceritakan bahawa seni mempertahankan diri di Malaysia kurang mendapat perhatian dan tidak diletakkan di tahap yang penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkembangan seni mempertahankan diri masih berada di tahap yang sama sejak dahulu. Terdapat konflik dari luar negara dan juga dari dalam negara yang mengaitkan silat dan agama islam. Namun begitu, kebanyakan masyarakat melayu masih terbuka hati untuk terus belajar silat bagi mempertahankan keselamatan diri, keluarga dan tanah air mereka. Sifat terpuji mereka ini patut dicontohi kerana pendirian mereka tidak goyah dengan mana-mana pengaruh negatif yang tersebar. Selain berfikiran terbuka terhadap seni silat ini, masyarakat melayu juga mempunyai satu sifat yang pantang dicabar jika melibatkan agama islam dan seni silat melayu.

Terdapat kira-kira sebanyak 136 jenis silat yang berdaftar di bawah Registry of Societies of Malaysia (ROS) dan Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS). Antara pertubuhan silat yang paling besar adalah Seni Gayung Fatani, Silat Cekak dan Gayong Malaysia. Pada tahun 1976, Allahyarham Tuan GM Haji Anuar Abdul Wahab telah mendaftarkan Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia dibawah

PJS. Mesyuarat pertama pertubuhan dijalankan di Batu Kurau, Perak bersama beberapa ahli jawatankuasa yang lain. Minit mesyuarat tersebut telah direkodkan, namun rekod tersebut terpaksa dibuang kerana terdapat lambakan rekod yang banyak dan sebahagian besar rekod tersebut telah rosak akibat daripada serangan serangga perosak seperti anai-anai dan kulat. Dari tahun 2002 hingga 2009, Tuan GM Haji Anuar Abdul Wahab telah memegang jawatan dalam Pertubuhan Seni Gayung Fatani. Setelah beliau meninggal dunia, pertubuhan ini diambil alih oleh GM Aminuddin Anuar dari tahun 2013 hingga tahun 2021. Beliau dinaikkan daripada guru utama menjadi guru tua. Setelah itu, GM Mohd Safwan mengambil alih jawatan sebagai Presiden Seni Gayung Fatani sehingga kini.

Seni Gayung Fatani adalah berasal daripada Silat Melayu pada zaman dahulu. Fatani merujuk kepada kebijaksanaan ataupun “Fathonah” iaitu sifat Nabi Muhammad SAW. Ramai yang beranggap Fatani merujuk kepada Patani, namun ianya adalah tidak tepat. Seni Gayung Fatani adalah bukan sekadar untuk mempertahankan diri tetapi ianya juga dapat mendisiplinkan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat tujuh peringkat dalam Seni Gayung Fatani iaitu Anak Gelanggang, Pesilat Remaja, Pesilat Perkasa, Pesilat Muda, Pesilat, Pendekar Muda dan Pendekar. Bermula dengan peringkat satu, seseorang akan belajar untuk mendisiplinkan diri. Peringkat kedua adalah belajar mengawal diri atau disebut kendiri. Peringkat ketiga pula adalah semangat patriotisme. Kemudian, peringkat keempat adalah satria manakala peringkat kelima adalah semangat jati diri. Akhir sekali adalah kewarganegaraan.

Pembelajaran silat adalah proses berterusan dan memerlukan kesabaran yang tinggi. Niat yang betul adalah sangat penting dalam mempelajari silat. Niat yang salah akan menganggu proses pembelajaran kerana setiap gerakan memerlukan latihan yang kerap dan berulang kali untuk memahami maknanya. Apabila seseorang sudah berada di peringkat yang paling tinggi iaitu kewarganegaraan, beliau dapat menyampaikan ilmu yang telah dipelajari ke generasi akan datang untuk mempertahankan diri, agama dan negara. Sebagai contoh, seseorang yang berilmu tidak akan bertindak melulu apabila sesuatu kejadian berlaku, bahkan dia akan mencari kaedah penyelesaian yang terbaik dan tidak menggunakan kekerasan. Hasil kajian telah mendapati bahawa ikatan persahabatan sekumpulan ahli baharu yang baru ingin mula belajar silat akan menjadi lebih erat jika diterapkan dengan ilmu seni silat gayung fatani selama 3 bulan. Perubahan secara mental yang jelas ini dapat dilihat kerana dalam latihan silat, setiap ahli dipraktikkan supaya sentiasa berdisiplin dan mengamalkan sifat hormat-menghormati antara sesama ahli seperguruan. Seni silat turut dapat melatih individu untuk lebih peka akan keadaan sekeliling. Selain itu, kebaikan seni silat terbukti jika seseorang yang mempraktikkan silat dan pada masa yang sama juga dia merupakan pelatih fizikal, impaknya adalah dapat menurunkan berat badan dengan cepat dan menjadikan tubuh badan seseorang itu lebih sihat.

Bermula tahun 1976, gelanggang gayung fatani ini diketahui terdapat hampir di seluruh negeri di Malaysia. Setiap negeri mempunyai gelanggang Silat Gayung Fatani. Setiap kali acara pertandingan diadakan, pesilat silat lain akan berasa risau untuk bertanding dengan pesilat Gayung Fatani. Hal ini disebabkan oleh Seni Gayung Fatani yang hebat dan merupakan silat olahraga yang dicipta sendiri oleh Tuan GM Haji Anuar. Terdapat kesukaran untuk mengalahkan pesilat Gayung Fatani kerana asas latihan Gayung Fatani adalah bersifat menyeluruh. Terdapat empat asas yang perlu dipelajari dalam Seni Gayung Fatani Malaysia iaitu bunga, jurus, bela diri dan tempur. Bunga adalah asas utama yang perlu dikuasai. Daripada bunga, maka terhasilah jurus di mana terdapat tendangan, tumbukan, belebat dan sebagainya. Sebagai contoh, belebat bermaksud mengelakkan diri daripada serangan pihak lawan. Tapak merujuk kepada pergerakan kaki selepas mengelakkan diri daripada serangan. Buah pula adalah serangan. Setelah berhasil menguasai jurus, seseorang dapat membela diri. Kemudian, tempur adalah membuat serangan bersama pihak lawan.

Untuk menguasai asas ini adalah bergantung kepada personaliti seseorang dan jurulatih yang mengajar. Teknik mengajar adalah berbeza bagi sesetengah anak murid. Sebagai contoh, pembelajaran secara auditori, visual dan statik. Kebiasaannya, seseorang akan mahir dalam peringkat satu setelah cukup tempoh mempelajari silat selama 40 jam bagi orang dewasa dan 80 jam bagi kanak-kanak. Pembahagian kelas silat terbahagi kepada dua sesi yang memakan masa 1 jam setengah.

Sesi pertama dimana dalam waktu 15 minit pertama telah menetapkan ahli silat untuk meregangkan badan, buka gelanggang dan mula membuat bunga silat. Setengah jam kemudian dalam sesi kedua, ahli silat akan melakukan latihan kecergasan yang terdiri daripada tekan tubi dan lompat bintang. Waktu selebihnya, jurulatih silat akan mula fokus kepada teknik silat dimana ahli silat perlu mengasingkan diri mereka kepada beberapa kumpulan mengikut peringkat masing-masing. Namun demikian, jika terdapat ahli baharu, jurulatih akan mengumpulkan semua ahli dari peringkat satu dan peringkat dua untuk sama-sama berlatih silat. Tujuan jurulatih silat berbuat demikian adalah supaya ahli silat lama dapat membantu ahli silat baharu untuk berlatih silat di samping itu ahli silat dapat mengasah dan mempertajam kembali teknik-teknik silat yang diperaktikkan sebelum ini.

Perbezaan Seni Gayung Fatani dengan silat yang lain dapat dilihat melalui asasnya iaitu bunga. Setiap gerakan dalam Seni Gayung Fatani mempunyai seni dan maknanya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, silat yang lain mempunyai gerakan bunga yang keras dan tidak diketahui makna tersuratnya. Seterusnya, senjata juga boleh digunakan dalam Seni Gayung Fatani seperti Silat Melayu pada zaman dahulu yang menggunakan keris dan sebagainya. Namun begitu, seseorang yang sudah mahir dan menguasai teknik asas boleh mempertahankan diri mereka tanpa menggunakan sebarang senjata. Tambahan pula, tiada ilmu tersirat atau pantang larang yang perlu diamalkan dalam Seni Gayung Fatani. Setiap latihan dimulakan dengan membaca surah Al-Fatihah dan ditutup dengan tasbih kafarah dan surah Al-Asr setelah selesai latihan untuk mendapat keberkatan atas ilmu yang dipelajari pada hari tersebut.

Seni Gayung Fatani terbuka kepada semua masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Berdasarkan pengalaman jurulatih ini, beliau pernah menerima anak murid yang berbangsa Cina dan juga anak murid yang beragama Kristian. Etika pemakaian yang perlu dipatuhi adalah menutup aurat mengikut agama masing-masing. Sebagai contoh, anak murid digalakkan untuk memakai pakaian seragam silat bersama bengkung iaitu tali pinggang. Namun, ianya tidak menjadi masalah jika seseorang tidak mempunyai pakaian seragam tersebut. Mereka boleh memakai baju sukan lengan panjang bagi perempuan dan lengan pendek bagi lelaki. Sebelum memulakan latihan silat, seseorang perlulah membuka jam, cincin, gelang dan rantai yang dipakai untuk mengelakkan sebarang kecederaan. Namun, jika subjek yang dipelajari pada hari tersebut tidak melibatkan pertempuran dan bela diri, jurulatih tidak menghalang anak muridnya untuk memakai perhiasaan tersebut. Untuk cermin mata pula adalah tidak menjadi masalah dalam latihan silat. Selain itu, susunan dalam latihan silat adalah secara berasingan lelaki dan perempuan. Jika terdapat latihan yang memerlukan latihan secara berpasangan, jurulatih akan menyatukan adik-beradik ataupun membuat kumpulan yang terdapat tiga orang ahli yang tidak bercampur lelaki dan perempuan. Jika masih terdapat situasi anak murid yang tiada kumpulan, maka anak murid tersebut akan berlatih bersama jurulatih. Namun, batas dan pergaulan masih terjaga mengikut agama Islam. Tiada sentuhan yang berlaku antara lelaki dengan perempuan.

Selain itu, Seni Gayung Fatani juga terbuka untuk mereka yang berkelainan upaya tetapi mempunyai minat dalam ilmu persilatan. Berdasarkan pengalaman jurulatih ini sendiri, beliau pernah mengajar anak murid berkelainan upaya di Shah Alam dan Seri Kembangan. Kaedah yang diajar adalah secara auditori, visual atau statik. Proses pembelajarannya memerlukan kesabaran yang tinggi. Namun begitu, beliau terbuka hati dan menerima untuk mengajar mereka yang berkelainan upaya jika diberikan peluang lagi.

Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia turut berkembang di peringkat antarabangsa. Bermula tahun 2015, terdapat beberapa negara yang menunjukkan minat terhadap Gayung Fatani iaitu termasuklah negara Australia, Bangladesh, Dubai, UAE, dan Syria. Perancangan pada tahun 2014 yang dihasilkan oleh Tuan Shahiid dan Dr Nizam sememangnya membawa hasil dimana Gayung Fatani yang berasal dari Malaysia dapat dikembangkan ke peringkat antarabangsa. Tambahan pula, Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia sedang memasuki fasa keempat dimana individu dari negara lain mula mencari jurulatih silat dari Malaysia untuk datang mengajar silat ke negara mereka.

Melalui hasil kajian ini, kita dapat melihat terdapat masalah semasa penubuhan Seni Gayung Fatani. Hal ini terjadi apabila presiden awal persatuan, Tuan GM Haji Anuar meninggal dunia. Penubuhan Gayung Fatani terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama yang terdiri daripada orang-orang lama yang menyatakan tidak ada sesiapa yang layak menjawat jawatan sebagai presiden atau guru utama penubuhan ini. Kumpulan kedua adalah ahli persatuan lain yang terdiri daripada Dr Mohamad Nizam, Tuan Mohd Shahiid, Tuan Aminuddin Anuar dan Tuan Mohd Safwan yang pada ketika itu tidak dibenarkan untuk masuk ke mesyuarat yang diadakan oleh kumpulan orang-orang lama penubuhan. Pada masa yang sama, kerajaan telah membuat akta dimana semua pertubuhan seni beladiri yang berada di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) beralih ke Registry of Society (ROS). Pada waktu itu juga merupakan waktu kemuncak yang mendorong Dr Mohamad Nizam, Tuan Mohd Shahiid, dan Tuan Mohd Safwan mengambil alih Seni Gayung Fatani Malaysia dan menjadikan anak arwah Tuan GM Haji Anuar iaitu Tuan Aminuddin Anuar sebagai guru utama Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSFGM). Tujuan mereka melantik guru utama adalah untuk mengelakkan ilmu Seni Gayung Fatani itu terhenti begitu sahaja sekiranya guru silat telah meninggal dunia. Secara ringkasnya, kita dapat melihat terdapat dua puak iaitu yang pertama Pertubuhan Seni Gayung Fatani yang berdaftar dengan Malaysia dan yang kedua adalah persatuan yang tidak mempunyai guru utama yang terdiri daripada Kelab Persatuan Cikgu Halim, Cikgu Azi dan Cikgu Mizan.

Dalam kajian ini juga, terdapat satu persatuan di Malaysia yang dikenali sebagai PESAKA dan presiden persatuan tersebut merupakan senator negara sehingga sekarang. PESAKA ditubuhkan oleh 3 atau 4 pertubuhan silat terbesar di Malaysia yang terdiri daripada Silat Gayung Fatani, Silat Gayong Malaysia, Silat Cekak dan silat Lintah. Keempat-empat pertubuhan silat ini terdapat dalam perlumbagaan. Dalam akta perlumbagaan telah menyatakan jika salah satu pertubuhan silat jatuh atau tidak beroperasi, secara automatik PESAKA akan dimansuhkan. Jika berlaku demikian dari segi undang-undang, PESAKA akan menjadi tidak sah bagi mana-mana pertubuhan silat gayung fatani yang tidak berdaftar dan tidak mempunyai guru utama. Pertubuhan PESAKA ini dikenal pasti tidak memartabatkan silat melayu sebaliknya, memartabatkan pencak silat Indonesia. Silat yang dipertandingkan sekarang adalah pencak silat Indonesia dan itu bukanlah silat olahraga silat melayu. Jadi, reaksi kerajaan terhadap PESAKA amat membingungkan kerana setiap kali persatuan ini menjalankan kejohanan atau pertandingan, duit akan dilaburkan kepada negara Indonesia. Dari perspektif kerajaan, mereka melihat PESAKA membayar pampasan kepada Indonesia. PESAKA difahami mendapat RM 1.4 juta daripada negara Malaysia. Namun, hal yang merunsingkan adalah PESAKA tidak mempunyai ibu pejabat sedangkan Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSFGM) mempunyai ibu pejabat di Bangi, Selangor. Secara keseluruhannya, terdapat dua cabaran yang dialami oleh pertubuhan seni gayung fatani yang terdiri daripada masalah dana dan halangan politik.

Dalam dunia yang dilingkari kemodenan dan kemajuan teknologi ini, masih terdapat sebilangan individu yang berfikiran kuno tentang seni silat itu tersendiri. Antara persepsi mereka adalah berpendapat bahawa seni silat ini tradisional dan tidak mengikut perkembangan zaman. Selain itu, dapat diperhatikan bahawa generasi pada hari ini lebih banyak berinteraksi melalui sosial media berbanding interaksi sosial secara fizikal. Keadaan ini amat membimbangkan kerana sekiranya suatu hari nanti semua gajet dan kemudahan tersebut hilang, bagaimana mereka akan mempertahankan diri sendiri dan juga negara, jika diancam keselamatan oleh pihak musuh. Masyarakat di luar sana diharapkan peka akan perbezaan Silat Melayu dan Pencak Silat Indonesia. Silat melayu ini difahamkan lebih berseni dan sesuai dengan orang Melayu Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, kita mesti mengenal pasti dengan tepat yang mana seni bela diri yang asal supaya identiti seni Silat Melayu tidak hilang seiring peredaran zaman.



Gambar 1: Latihan silat Seni Gayung Fatani Malaysia



Gambar 2: Logo Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia

Kesimpulan

Kesimpulannya, dengan adanya pendokumentasian lisan mengenai Seni Gayung Fatani ini, penyelidik dapat memahami perubahan yang berlaku terutama dari segi penambahbaikan struktur pengajaran ilmu silat. Evolusi seni silat dari kurikulum tradisional ke kurikulum moden akan menjadikan latihan dan penerimaan pembelajaran silat lebih teratur dan mudah. Dengan berlakunya evolusi ini, silat akan menjadi lebih relevan serta diterima oleh generasi moden, seterusnya mendorong kepada pengekalan warisan budaya melayu. Selain itu, kewujudan pendokumentasian sejarah dan latar belakang tokoh yang terlibat dalam seni silat ini akan menyedarkan masyarakat untuk lebih menghormati sumbangsa para tokoh pejuang silat terdahulu yang gigih dalam melindungi tanah melayu daripada terus dijajah kuasa luar. Dengan adanya kesedaran sebegini, generasi moden akan bermintat dan bersemangat untuk mempelajari Seni Gayung Fatani dengan lebih serius. Seterusnya, kajian yang dijalankan juga membolehkan penyelidik mengetahui dengan lebih terperinci tentang cabaran yang dihadapi sepanjang penubuhan PSGFM serta usaha yang dilakukan untuk mengekang masalah tersebut daripada terus menular. Tindakan PSGFM yang teguh dalam menghadapi cabaran yang berlaku sepanjang penubuhan seni silat ini telah menggambarkan keberanian PSGFM dalam usaha untuk memelihara warisan seni budaya Melayu agar terus diterima dan dihormati oleh masyarakat setempat. Pendokumentasian lisan ini juga dilihat selari dengan konsep Malaysia Madani, yang memfokuskan pengiktirafan kepada seni silat melayu agar terus dipelihara dengan baik. Dengan berbuat demikian, masyarakat yang berpandangan jauh dan berpendidikan dapat dibentuk.

Acknowledgments: A gratitude and infinite thanks to all the people who contributed their knowledge and experience in making this article a success. First of all, we would like to say a big thank you to Sir Jafalizan, who helped us a lot and guided us to complete this project from the beginning to the end of this project. He helped us a lot in providing insightful insights and always suggesting improvements that need to be made to produce good article. Many thanks are also given to our parents, who contributed funds, mental support, and helped us make this project a success. Next, we would also like to thank Tuan Hazim Samsudin, the first person we chose based on their achievements and infinite knowledge. We are very grateful to Tuan Hazim Samsudin for providing deep cooperation and sharing regarding Seni Silat Gayung Fatani Malaysia. Next, we would also like to express our gratitude to our second figure, Profesor Madya GM Pro Dr. Mohamad Nizam Mohamed Shapie, for his earnestness in sharing his valuable experience and countless knowledge. Not forgetting our friends who helped us throughout our project, we express our gratitude to Nur Farhanah and Nur Syaufina for helping us make this project a success despite being busy with their own work. Finally, thank you to ourselves, who are always patient and continue to give unlimited commitment to the successful completion of this project.

RUJUKAN

- Ag Marzuki, A. L., & Mohd Maqdi, S. (2024, September 18). Seni silat menyatukan Masyarakat Pelbagai Budaya di Malaysia - malaysiaktif. MalaysiaAktif. <https://malaysiaktif.my/2024/09/seni-silat-menyatukan-masyarakat-pelbagai-budaya-di-malaysia/>
- Abd. Rahman, I. (2009). *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan Dan Budaya – Kawah Buku*. KAWAHBUKU. <https://kawahbuku.com/titles/seni-silat-melayu-sejarah-perkembangan-dan-budaya/>
- Fatani, G. (2011, Februari). Silat Gayung Fatani. SILAT GAYUNG FATANI. <https://aidilsilat.blogspot.com/2011/02/sejarah-penubuhan-seni-silat-gayung.html>
- Khalik, Muhd. A. Q. (2022). Kebaikan Seni Silat. Kebaikan mempelajari seni silat. <https://ikomeng.weebly.com/kebaikan-seni-silat.htm>
- Muhammad, N. K. (2021, Disember 10). Kisah Sejarah melayu. 7 Jenis Silat Di Malaysia. <https://www.facebook.com/groups/830724801207627/posts/7-jenis-silat-di-malaysia940919096854863/?rdr>
- Pertubuhan Silat Seni Gayong Nusantara. (2015, Julai 27). Asal Usul silat. <https://silatsenigayongnusantara.wordpress.com/pengenalan/asal-usul-silat/>

Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia. (2017). Sejarah penubuhan PSGFM. Laman Web Rasmi Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia - pengenalan. <https://psgfm.org.my/pengenalan.php>

Persatuan seni bela diri. (2017, Ogos 24). Senarai Nama-nama silat di Malaysia. Koleksi Ilmu Dulu-Dulu. https://koleksiilmudulu2.blogspot.com/2017/08/senarai-nama-nama-silat-di-malaysia.html#google_vignette

Pemegang Amanah PSGFM. (2015, Februari 1). 7 Kelebihan Seni Gayung Fatani Malaysia. <https://www.senigayungfatani.com/perguruan/artikel/7-kelebihan-seni-gayung-fatani-malaysia/>

PemegangAmanah. (2024, Oktober 1). PSGFM Bertaraf dunia: Penganjuran IMACSSS & GSMACC 2024 Dengan Sokongan UNESCO ICM. Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM). <https://www.senigayungfatani.com/silat/psgfm-bertaraf-dunia-penganjuran-imacsss-gsmacc-2024-dengan-sokongan-unesco-icm/>

SK Kampung Jawa 2, Klang. (2017, Januari 16). Tujuan utama seni silat Malaysia. Facebook. <https://www.facebook.com/skjk2/posts/tujuan-utama-seni-silat-malaysia-adalah-menghasilkan-individu-yang-mulia-dan-pos/1303346199704243/>

Terengganu, P. (2023, Mac 13). Angkat seni silat, Jangan Sampai Ditelan Zaman - Berita Parti Islam SE. Berita Parti Islam Se Malaysia (PAS). <https://berita.pas.org.my/angkat-seni-silat-jangan-sampai-ditelan-zaman/>

Weebly. (2024). Seni Pertahanan Diri. Dwi-Mingguan Bahasa Melayu @ TVPS.